

26 JAN 1997

Sanusi - Jambatan

KERAJAAN KEDAH TIDAK SETUJU BINA JAMBATAN KE LANGKAWI, KATA SANUSI

LANGKAWI, 26 Jan (Bernama) -- Kerajaan Kedah tidak bercadang membenarkan pembinaan jambatan menghubungkan tanah besar dengan Langkawi, kata Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid, hari ini.

Menurutnya langkah itu adalah untuk mengekalkan Langkawi dalam keadaannya yang asli iaitu sebagai sebuah pulau dan mengelak berlakunya kesan negatif kepada alam sekitar.

Cadangan serupa itu pernah dikemukakan sebelum ini tetapi tidak dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Perniagaan Kedah, di sini.

Sanusi diminta mengulas laporan akhbar mengenai hasrat sebuah syarikat untuk membina jambatan sepanjang 20km dari Kuala Perlis ke Langkawi.

Silver Joy Holdings Sdn Bhd yang berpangkalan di Sungai Petani dilaporkan akan mengemukakan cadangan membina jambatan enam lorong pada kos RM2,000 juta kepada Kerajaan Perlis dan Kedah.

Sanusi juga berkata bahawa kerajaan negeri sebelum ini menerima empat cadangan untuk membina jambatan antara tanah besar dan pulau peranginan ini tetapi semuanya ditolak.

Dalam hubungan lain, beliau menasihati para pemilik bangunan di Langkawi supaya menyewa bangunan masing-masing pada kadar yang rendah bagi menarik lebih ramai peniaga ke pulau bebas cukai ini.

Menurutnya, kerajaan negeri menerima banyak aduan mengenai kadar sewa yang terlalu tinggi di Langkawi sehingga menghalang minat pelabur dan ahli perniagaan untuk beroperasi di sini. -- BERNAMA

ZI MFJ WAT